

PENGURUSAN DANA MASJID DAN SURAU BERPANDUKAN PENCAPAIAN MAQASID SYARIAH

¹Tuan Sidek T. Muda
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
sidek@ump.edu.my

²Rashidi Abbas
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
rashidi@ump.edu.my

³Mansor Sulaiman
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
mansor@ump.edu.my

ABSTRAK

Mempunyai kewangan yang kukuh dan membelanjakannya pada perkara yang sepatutnya mengikut keutamaan adalah antara resipi kejayaan sesebuah institusi termasuklah masjid dan surau. Di Malaysia, kebiasaannya pendapatan masjid dan surau di jana melalui sumbangan pihak berkuasa, sumbangan badan-badan korporat dan orang ramai. Ada masjid-masjid yang mempunyai dana yang mencukupi, ada yang berlebihan dan ada juga yang sebaliknya. Satu perkara penting yang perlu diambil berat oleh pelbagai pihak khususnya pihak berkuasa agama, pengurusan masjid dan surau ialah bagaimana dana ini dapat diuruskan dengan baik dan berkesan sesuai dengan peranannya di tengah-tengah masyarakat sehingga dapat memenuhi peranannya sebagai sebuah pusat kemasyarakatan seperti di zaman Rasulullah s.a.w.. Sehubungan dengan itu, tulisan ini dikemukakan untuk mencadangkan beberapa panduan pengurusan perbelanjaan dana masjid dan surau berpandukan kepada ukuran pencapaian maqasid syariah. Maqasid syariah ialah satu kaedah pengukuran berpandukan kepada pencapaian matlamat dan keutamaan bagi mendatangkan kebaikan (masalah) dan menolak pelbagai kemudaratan (mafsadah). Tulisan ini akan mengemukakan panduan keutamaan dalam pengurusan perbelanjaan dana masjid berpandukan kepada pelbagai kaedah pengukuran masalah dan mafsadah bagi mencapai maqasid syariah.

Kata kunci: Pengurusan, Kewangan, Masjid, Maqasid Syariah, Masalah.

¹ Beliau juga adalah pengerusi Surau al-Hikmah, Taman Guru, Kuantan. Pernah dilantik sebagai penasihat Surau Sungai Sekawang, Port Dickson (sehingga 2006), ahli jawatankuasa Biro Dakwah Surau Nurul Iman (Surau diri Jumaat), Cheras, Kuala Lumpur (sehingga 2008) dan ahli jawatankuasa Biro Dakwah surau al-Bukhari (surau diri Jumaat), Mahkota Aman, Kuantan (sehingga 2014).

² Beliau juga adalah pengerusi surau al-Muttaqin, Indera Mahkota 14, Kuantan.

³ Beliau juga adalah timbalan pengerusi surau al-Bukhari Mahkota Aman, Kuantan.

1.0 Pendahuluan

Masjid adalah satu institusi yang sangat penting dalam Islam. Kepentingannya jelas ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. di mana baginda telah membina masjid Quba' sebelum masuk ke kota Madinah dalam peristiwa hijrah yang bersejarah (al-Mubarakfuri, t.t.). Antara beberapa langkah pertama yang dibuat oleh Baginda s.a.w. ketika membina negara Madinah ialah juga membina masjid iaitu Masjid al-Nabawi. Menurut al-Buti (2008), antara peranan masjid dalam masyarakat dan negara Islam khususnya pada permulaan pembinaan negara Madinah ialah:

- 1- Menjadi asas utama kepada pembentukan masyarakat Islam dengan mengikut dan mematuhi segala sistem Islam, aqidah dan peradabannya.
- 2- Meluaskan roh persaudaraan dan ikatan mahabbah sesama Islam.
- 3- Menyebarkan semangat persamaan dan keadilan di kalangan umat Islam di segenap lapisan hidup dan aspek.
- 4- Melebur dan membentuk pelbagai ragam umat Islam ke dalam acuan perpaduan yang sejati yang dibina di atas asas ikatan kepada Allah, hukum-hukum dan syariatnya.

Pada masa itu, masjid bukan sahaja menjadi pusat ibadah, bahkan juga sebagai pusat pentadbiran, pusat pendidikan, mahkamah dan pusat kemasyarakatan. Walaupun pada masa kini telah banyak perubahan berlaku di mana pusat pentadbiran negara, sekolah-sekolah dan mahkamah telah diasingkan, tetapi peranan yang disenaraikan di atas masih kekal relevan sebagai peranan utama yang perlu dimainkan oleh institusi masjid dan surau terutamanya kepada masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, untuk menjadikannya mampu melaksanakan fungsi-fungsinya, pengurusan masjid dan surau perlulah mengamalkan kaedah pengurusan yang kompeten, cekap, efisien dan mengikut keutamaan termasuklah dalam pengurusan dana.

2.0 Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau

Kebiasaannya di Malaysia, masjid di tadbir oleh ahli jawatankuasa yang dipilih oleh masyarakat setempat atau pihak berkuasa agama. Ahli jawatankuasa ini pula diketuai oleh pengerusi. Kebiasaannya, ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab secara khusus untuk menjaga pergerakan wang masuk dan wang keluar ialah bendahari. Pendapatan masjid dan surau pula adalah daripada peruntukan yang diberikan oleh pihak berkuasa secara berkala (bagi masjid-masjid yang berada secara langsung di bawah pentadbiran agama mana-mana negeri), sumbangan orang-ramai dan pelbagai projek yang diusahakan (sekiranya ada) melalui jawatankuasa yang ditugaskan (Hairunnizam, Nor Ghani, Jaafar & Sanep, 2009)

Kedudukan kewangan dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah status sama ada masjid atau surau, didirikan sembahyang Jumaat ataupun tidak, kepelbagaian aktiviti dan lokasi. Menurut kajian yang dibuat oleh Hydzulkifli, Mohd Yazid & Noraini (2015), faktor yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan sesebuah masjid didorong oleh faktor lokasi serta faktor pengurusan aktiviti masjid. Masjid yang berada berhampiran dengan bandar atau pekan, masjid yang terletak berdekatan taman-taman perumahan atau masjid yang aktif dalam penganjuran aktivitinya didapati mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding masjid-masjid lain.

Dari sudut perbelanjaan pula, dana yang ada dibelanjakan pada pelbagai perkara seperti pembinaan dan baik pulih infrastruktur, keceriaan, pembayaran utiliti, perbelanjaan pelbagai aktiviti dan program seperti sugu hati penceramah, jamuan, sumbangan kebajikan dan lain-lain. Terdapat juga

masjid dan surau yang memperuntukkan sejumlah pendapatan untuk simpanan dan pelaburan sebagaimana dapatan daripada kajian Hydzulkifli et al. (2015) yang menunjukkan terdapat masjid-masjid yang membahagikan perbelanjaan pendapatan mereka kepada tiga bahagian iaitu *idariyyah* (pengurusan - merangkumi bayaran utiliti dan belanja penyelenggaraan masjid), *ijtimaiyyah* (kemasyarakatan- belanja aktiviti, bayaran penceramah dan bantuan masyarakat) dan *tijariyyah* (pelaburan dan perniagaan - meliputi aktiviti perniagaan dan pelaburan dalam produk perbankan mahupun instrumen kewangan lain).

Tidak dapat dinafikan, sebagaimana juga institusi-institusi lain, gaya perbelanjaan adalah berkait rapat dengan kedudukan kewangan di samping faktor-faktor lain terutamanya kesungguhan dan kecekapan ahli jawatankuasa dalam menghidupkan peranan surau dan masjid. Menurut kajian yang dibuat oleh Hairunnizam et al. (2009), terdapat empat pemboleh ubah yang mempengaruhi keaktifan sebuah masjid iaitu kategori masjid, tahap pendidikan pengerusi, kekerapan mesyuarat dan kecukupan pendapatan.

Berdasarkan kajian literatur, telah terdapat pelbagai kajian dan penulisan tentang pengurusan masjid termasuk tentang pengurusan perbelanjaan seperti tulisan Husnul Rita & Nor Saadah (2014) yang bertajuk Pengurusan Tabung Masjid ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat, begitu juga dengan tulisan Jaafar, Sanep, Mariani & Hairunnizam (t.t.), yang bertajuk Dana dan Harta Masjid di Malaysia: ke Arah Pengurusan Strategik dan tulisan Mohamed Azam et al. (2013) yang bertajuk Financial Management Practices of Mosques in Malaysia. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat tulisan yang membincangkan secara khusus tentang keutamaan dalam pengurusan dana berdasarkan perspektif maqasid syariah yang boleh dijadikan panduan oleh pengurusan masjid dan surau dalam menyusun keutamaan dalam pengurusan kewangan mereka khususnya bagi membolehkan institusi masjid dan surau memainkan peranan seperti mana yang telah digariskan oleh al-Buti.

3.0 Konsep Maqasid Syariah

Maqasid syariah adalah gabungan dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maksud syariah dalam konteks yang luas ialah apa sahaja yang disyariatkan oleh Allah kepada hambanya. Ia merangkumi aqidah, ibadah, akhlak, muamalat dan pelbagai peraturan hidup meliputi pelbagai bidang untuk menjamin kebahagiaan manusia dunia dan akhirat (al-Qattan, 1996). Maqasid pula adalah kata jamak kepada perkataan *maqsid* yang membawa maksud tujuan atau maksud (al-Marbawi, 1998). Oleh itu, secara ringkasnya, ia boleh diertikan sebagai tujuan, matlamat dan objektif syariah.

Dari sudut istilah, pelbagai definisi maqasid syariah telah diberikan oleh pelbagai tokoh pengkaji ilmu ini. Antaranya ialah hikmah-hikmah, *masalih* (kebaikan) dan manfaat-manfaat (Ibn 'Asyur, 2011), tujuan-tujuan yang didatangkan syariah untuk mendatangkan kemaslahatan hamba (al-Raysuni, 2011) dan *maslahah* syariah, tujuan-tujuan dan tanda-tandanya yang bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat (al-Khadimi, 2003). Terdapat pelbagai lagi definisi oleh pelbagai tokoh lain tetapi secara umumnya maksudnya adalah sama iaitu berkisar tentang tujuan pensyariaan untuk memelihara *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (keburukan atau kemudaratan) sama ada kepada individu mahupun masyarakat, dunia dan akhirat.

Berdasarkan kepada definisi di atas, perkara asas yang menjadi tumpuan dalam perbincangan maqasid syariah ialah *maslahah*. Menurut al-Ghazali (1996), *maslahah* ialah menjaga matlamat syarak.

Matlamat syarak ada lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta. Setiap perkara yang membawa kepada penjagaan kelima-lima ini adalah *masalahah*, ketiadaan penjagaan kelima-limanya atau salah satunya adalah *mafsadah* dan menjauh daripada *mafsadah* adalah *masalahah*. Menurut Ibn 'Ashur (2011), *masalahah* ialah sifat bagi sesuatu perbuatan yang menghasilkan kebaikan yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu. *Mafsadah* pula ialah sesuatu yang berlawanan dengan *masalahah* iaitu satu sifat bagi suatu tindakan yang membawa kepada kemusnahan atau kemudaratan yang berterusan atau secara kebiasaan kepada kumpulan ramai atau kepada individu. Al-Raysuni (2011) pula menjelaskan bahawa apa yang dapat difahami tentang *masalahah* dan *mafsadah* berdasarkan kepada perbincangan ulama' ialah ia merangkumi *masalahah* dan *mafsadah* dunia dan akhirat termasuklah juga jalan dan sebab yang membawa ke arah kedua-duanya.

Di dalam perbincangan maqasid syariah, *masalahah* mempunyai tiga tingkat iaitu *masalahah daruriyyah*, *masalahah hajiyyah* dan *masalahah tahsiniyyah*. *Maslahah daruriyyah* ialah perkara yang mesti ada untuk kemaslahatan hidup dunia dan akhirat. Ketidadaannya menyebabkan kerosakan dan kemusnahan sistem kehidupan dunia serta kegagalan dan kembali dalam keadaan kerugian pada kehidupan akhirat (al-Shatibi, 2011). Menurut Ibn 'Ashur (2011), *masalahah daruriyyah* ialah apa-apa yang umat secara kolektif ataupun secara individu memerlukannya. Sekiranya tiada *masalahah* tersebut akan rosak sistem dan membawa kehidupan umat kepada kebinasaan dan kehancuran. Terdapat lima perkara yang perlu dipelihara untuk memastikan *masalahah* peringkat ini terjaga iaitu menjaga agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta.

Maslahah hajiyyah pula ialah apa yang diperlukan untuk kemudahan dan menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kepada kepayahan. Sekiranya tidak dipelihara perkara tersebut, ia akan membawa kepada kepayahan tetapi tidaklah sampai ke tahap kemusnahan (al-Shatibi, 2011). Ibn 'Ashur (2011) memperluaskan definisi yang diberikan oleh al-Shatibi dengan menekankan kepada ummah. Menurut beliau *hajiyyah* ialah apa sahaja yang diperlukan oleh ummah bagi menjaga *masalahah* dan sistem supaya berada pada susunan yang betul. Sekiranya tidak dipelihara perkara-perkara tersebut tidaklah membawa kepada kemusnahan tetapi sistem menjadi tidak tersusun. Termasuk dalam *hajiyyah* ialah penjagaan lima perkara seperti yang dibincangkan dalam *daruriyyah*. Perbezaannya ialah keperluan memenuhi *masalahah* di peringkat ini tidak sampai ke tahap *daruri*.

Maslahah tahsiniyyah pula ialah mengambil apa yang sesuai daripada adat-adat yang baik dan menjauhi perkara yang kurang baik yang mana akal yang sihat tidak suka kepadanya (al-Shatibi, 2011). Menurut Ibn 'Ashur (2011), *tahsiniyyah* ialah perkara yang membawa kepada kesempurnaan keadaan umat sehingga hidup mereka aman, tenang serta dipandang elok oleh umat-umat lain sehingga umat Islam dilihat sebagai umat yang masyarakat lain ingin dekat dan bersama. Dinamakan maqasid peringkat ini dengan *tahsiniyyah* kerana ia memperelok keadaan seseorang serta menyempurnakan kehidupannya dengan sebaik-baik keadaan.

4.0 Aplikasi Maqasid Syariah dalam Pengurusan Dana Masjid dan Surau

Maqasid syari'ah mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam penetapan hala tuju dan aktiviti manusia sama ada yang berbentuk keagamaan ataupun yang berbentuk keduniaan. Ini kerana setiap perlakuan yang dilakukan di dunia ini tidak lepas daripada kiraan dosa, pahala dan pembalasan di akhirat. Inilah yang ditegaskan oleh Imam al-Shafi'i (2013) iaitu syariah adalah *rahmah*. Setiap aktiviti manusia dijelaskan oleh nas al-Quran dan sunnah dalam bentuk *bayani* (yang disebut dengan jelas di dalam nas) atau dalam bentuk *qiyasi* (yang memerlukan kepada *istidlal*). Begitulah juga apabila ditinjau kepada

pembahagian perbuatan manusia dari sudut perintah dan larangan yang dapat dibahagikan kepada lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram (Zaidan 2004).

Sehubungan dengan itu, pengurusan kewangan dan secara khususnya perbelanjaan dana masjid dan surau juga termasuk di bawah keluasan fiqh yang tidak dapat dipisahkan daripada hukum yang lima di atas. Pada perbincangan konsep maqasid syariah pada sub-topik 3.0, telah dijelaskan bahawa matlamat pensyariaan ialah untuk mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan. Secara umumnya hukum wajib, sunat dan harus berada di bawah kategori mendatangkan kebaikan manakala makruh atau haram pula berada di bawah kategori menolak kemudaratan. Kedua-duanya sama ada mendatangkan kebaikan mahupun menolak kemudaratan adalah untuk menjaga *maslahah* manusia dunia dan akhirat. *Maslahah* tersebut diketahui melalui dalil-dalil syarak terutamanya daripada al-Quran dan al-sunnah tanpa menafikan penggunaan dalil-dalil yang berbentuk akal seperti *qiyas*. Dalam perkara muamalat yang termasuk di bawahnya pengurusan dana, terdapat keluasan fiqh yang dapat difahami daripada kaedah fiqh yang bermaksud “asal pada sesuatu yang bermanfaat adalah harus” (al-Sayuti,1998). Harus selagi mana ia tidak membawa kemudaratan dan tahap keharusan juga berbeza-beza mengikut tingkat *maslahah*.

5.0 Cadangan Panduan Keutamaan dalam Pengurusan Dana Masjid dan Surau Berpandukan Pengukuran Maqasid Syariah.

Sebagaimana yang telah dijelaskan juga sebelum ini dalam sub-topik 3.0, *maslahah* terbahagi kepada tingkat-tingkat dan bahagiannya. Oleh itu, dalam pengurusan dana masjid, keutamaannya boleh ditentukan melalui penjagaan tingkat-tingkat *maslahah* tersebut dengan diutamakan perbelanjaan pada perkara *daruriyyat*, diikuti oleh *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Walaupun keutamaan-keutamaan yang berpandukan ketiga-tiga tingkat *maslahah* tersebut boleh berubah dan berbeza mengikut konteks dan keadaan yang berbeza (perbezaan lokasi, kedudukan kewangan, status dan lain-lain) tetapi secara umumnya mengikut kebiasaan, boleh dibuat senarai perbelanjaan yang menjadi keutamaan dalam pengurusan dana mengikut standard *maslahah* bagi mencapai maqasid syariah. Jadual 1 di bawah adalah cadangan panduan keutamaan dalam pengurusan dana masjid dan surau.

Jadual 1: Cadangan Panduan Keutamaan dalam Pengurusan Dana Masjid dan Surau Menurut Maqasid Syariah.

Bil.	Peringkat <i>Maslahah</i>	Bentuk Perbelanjaan	Ulasan
1	<i>Daruriyyat</i>	<i>Idariyyah, Ijtima'iyyah</i>	- <i>Idariyyah</i> pada peringkat ini ialah seperti pembangunan dan pemuliharaan infrastruktur asasi seperti dewan sembahyang, pembayaran bil air dan elektrik, pembesaran suara bagi masjid atau surau yang besar dan apa sahaja keperluan asasi yang diperlukan bagi membolehkan sembahyang jemaah, sembahyang Jumaat dan pelbagai program keilmuan dapat diadakan. Ia termasuk di bawah <i>daruriyyat al-khams</i> penjagaan harta. Termasuk juga di bawah kategori ini pembayaran gaji dan

			<p>elaun yang bersesuaian kepada pegawai dan petugas. Ia berada di bawah kategori penjagaan nyawa.</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Ijtimaiyyah</i> pada peringkat ini ialah seperti pembiayaan program-program keagamaan dan keilmuan yang berbentuk fardu ain dan fardu kifayah. Ia adalah untuk memelihara agama dan akal. Termasuk di dalam kategori ini, sumbangan kepada fakir miskin atau pihak-pihak yang sangat memerlukan yang berada di bawah kariah masjid atau surau tersebut dan tidak mendapat sebarang bantuan daripada pihak lain.
2	<i>Hajyyat</i>	<i>Idariyyah, Ijtimaiyyah, Tijariyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Idariyyah</i> pada peringkat ini ialah perbelanjaan pada pembangunan infrastruktur yang sangat diperlukan oleh masjid dan surau seperti pembesar suara dan alas lantai yang bersesuaian di dewan sembahyang. - <i>Ijtimaiyyah</i> pada peringkat ini ialah seperti sumbangan kebajikan kepada pelbagai pihak yang memerlukan. - <i>Tijariyyah</i> pada peringkat ini ialah bagi masjid dan surau yang tidak dapat mempelbagaikan aktiviti dakwah kecuali melalui aktiviti perniagaan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, pada masa ini di Malaysia, perbelanjaan untuk tujuan <i>tijariyyah</i> kebiasaannya berada pada <i>tahsiniyyat</i>.
3	<i>Tahsiniyyat</i>	<i>Idariyyah, Ijtimaiyyah, Tijariyyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Idariyyah</i> pada peringkat ini ialah pembangunan dan pemuliharaan infrastruktur yang bertujuan untuk memperindah, mencantikkan dan memudahkan pelbagai urusan seperti landskap yang bersesuaian, tempat makan yang bersesuaian, pendingin hawa dan lain-lain. - <i>Ijtimaiyyah</i> pada peringkat ini ialah seperti pembiayaan pelbagai program kemasyarakatan seperti gotong royong, sukan dan lain-lain yang dapat membantu menyatukan masyarakat serta dapat mendekatkan mereka dengan masjid dan surau. - <i>Tijariyyah</i> iaitu melaksanakan pelbagai

			aktiviti pelaburan dan perniagaan yang dapat menambah pendapatan masjid dan surau dalam sektor yang berisiko rendah untuk rugi serta diuruskan dengan jujur dan amanah.
--	--	--	---

6.0 Kesimpulan

Mengenal pasti keutamaan dalam menguruskan dana masjid dan surau adalah suatu yang sangat penting dalam mewujudkan sebuah masjid dan surau yang memainkan peranannya sebaik mungkin. Keutamaan itu boleh diukur berpandukan kepada kaedah pengukuran maqasid syariah yang berasaskan kepada pertimbangan untuk mencapai *maslahah* dan menolak *mafsadah*. *Maslahah* dalam perbelanjaan dana dapat disusun berdasarkan tingkat-tingkat yang berbeza menurut perbezaan kepentingan iaitu *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah*. Perkara-perkara yang berada di tempat teratas untuk diutamakan ialah yang berada di bawah kategori *daruriyyah* dan seterusnya *hajiyah* dan *tahsiniyyah*. Oleh kerana item-item cadangan keutamaan yang dicadangkan adalah hasil dapatan daripada pengalaman dan pemerhatian penulis, adalah dicadangkan agar kajian lanjut terutamanya dalam menetapkan senarai item dan keutamaannya dibuat dengan menggunakan metode yang lebih menyeluruh melibatkan pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid dan surau temu dan bual pakar pengurusan, kewangan dan maqasid syariah. Semoga tulisan ini dapat membantu memberi kefahaman dan panduan tentang keutamaan dalam pengurusan dana masjid dan surau menurut ukuran maqasid syariah dan menjadi salah satu landasan kepada kajian selanjutnya.

7.0 Rujukan

Al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. (2008). *Fiqh al-Sirah*. Terj: Mohd Darus Sanawi, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Al-Ghazali, Abu Hamid (1996). *Al-Mustasfa fi-Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar (2003). *Al-Maqasid al-Shar'iyah Ta'rifuha – Amthilatuha – Hujjiyyatuha*. Riyadh: Kunuz Esbelia.

Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd. Rauf (1998), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Al-Mubarakfuri, Safiyy al-Rahman. (t.t.). *al-Rahiq al-Makhtum*, Riyadh: Dar al-Salam.

Al-Qattan, Manna'. (1996). *Tarikh al-Tashri' al-Islami*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Raysuni, Ahmad (2011). *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*. Maghribi: Maktabah al-Hidayah.

Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (2013), *al-Risalah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (2011). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.

Al-Suyuti, 'Abd. al-Rahman A. B. (1998). *al-Ashbah wa al-Nazair*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad. (2009). Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid? dalam Sanep et.al (penyt.), *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, 1–9.

Husnul Rita & Nor Saadah (2014) Pengurusan Tabung Masjid ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat, *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf* (IMAF 2014), 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hydzulkifli Hashim Omar, Mohd Yazid Isa & Noraini Yusuff. (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian Di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies* (IJMS) 22 (2), 115–134.

Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir (2011). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.

Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Ab. Majid & Hairunnizam Wahid. (t.t.). *Dana dan Harta Masjid di Malaysia: ke Arah Pengurusan Strategik*.
<http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Dana%20dan%20Harta%20Masjid.pdf>

Mohamed Azam Mohamed Adil, Zuraidah Mohd-Sanusi, Noor Azaliah Jaafar, Mohammad Mahyuddin Khalid & Asmah Abd Aziz. (2013). Financial Management Practices of Mosques in Malaysia, *Global Journal al-Thaqafah* (GJAT), Jun 2013, Vol. 3, Issue 1.

Zaidan, 'Abd al-Karim (2004). *Al-Wajiz fi Uusl al-Fiqh..* Beirut: Muassassah al-Risalah.